

TECHTALK

MyGovUC Siri 2/2018

DEWAN MAJLIS @
KELAB KOMUNITI,
TAMAN TASIK, CYBERJAYA. | **29 NOVEMBER
2018**

EDISI 11/2018

OBJEKTIF

- 1) Membentangkan hasil dapatan Kajian Ketersediaan Agensi dan Kajian Impak
- 2) Memberikan motivasi kepada Pentadbir UC dalam menjalankan tugas
- 3) Membudayakan penggunaan *Skype for Business*

UCAPAN ALUAN



Ucapan aluan yang disampaikan oleh En Ahmad Nazri bin Ambi selaku Pengarah *Public Shared Services*, Telekom Malaysia Berhad.

PENYAMPAIAN HADIAH MINGGU SfB



Terdapat dua kategori bagi penganugerahan Minggu SfB, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (MOE) memenangi Kategori Agensi Aktif Menggunakan SfB bagi Pengguna 1000 ke atas manakala Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) memenangi Kategori Agensi Aktif Menggunakan SfB bagi Pengguna 1000 ke bawah.

PROGRAM MOTIVASI: SUCCESS PRINCIPLE



Program Motivasi: *Success Principle* oleh Prof. Dr. Murali Raman bertujuan meningkatkan rasa tanggungjawab dalam kalangan pentadbir UC. Peserta menunjukkan minat dan mengambil bahagian secara aktif semasa sesi motivasi dijalankan.

[Klik di sini bagi memuat turun slaid pembentangan.](#)



SESI SOAL JAWAB

Sesi soal jawab telah diadakan selepas sesi pembentangan selesai. Slot ini diadakan bagi menjawab sebarang isu serta pertanyaan Pentadbir UC berhubung perkhidmatan yang disediakan. Semua aduan, pertembayan, cadangan serta maklumbalas yang diterima diambil perhatian dan akan dikaji untuk tujuan penambahbaikan perkhidmatan MyGovUC akan datang.

PENGHARGAAN



Pasukan MyGovUC amat berbesar hati dengan kehadiran yang memberangsangkan daripada semua Pentadbir UC di seluruh Malaysia.

Pasukan MyGovUC ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen yang telah diberikan oleh ke semua Pentadbir UC di dalam menjayakan program ini.

PENDAFTARAN



Kaunter pendaftaran telah dibuka pada pukul 8.00 pagi.

Seramai 112 orang peserta yang terdiri daripada pentadbir UC di seluruh Malaysia telah hadir ke program ini.

UCAPAN PERASMIAN



Ucapan perasmian yang disampaikan oleh En Abdul Latif bin Ismail selaku Pengarah Bahagian Pembangunan Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT (BPG), MAMPU.

PEMBENTANGAN: KAJIAN KETERSEDIAAN AGENSI DAN PERKONGSIAN KAJIAN IMPAK



Pn. Norshaida Binti Khalid membentangkan Kajian Ketersediaan Agensi dan Perkongsian Kajian Impak. Kajian Ketersediaan Agensi dilakukan bagi mengenalpasti agensi yang boleh menggunakan perkhidmatan MyGovUC berdasarkan spesifikasi peralatan yang ditetapkan manakala bagi Kajian Impak, beberapa penemuan penting hasil dari kajian turut dikongsikan pada sesi pembentangan ini.

[Klik di sini bagi memuat turun slaid pembentangan \(Kajian Ketersediaan\)](#)

[Klik di sini bagi memuat turun slaid pembentangan \(Kajian Impak\)](#)

FORUM SKYPE FOR BUSINESS: JALINAN KOMUNIKASI



Skype for Business: Jalinan Komunikasi yang diadakan secara forum dan dihoskan oleh En Mohd Abdul Halim bin Sulaiman bersama-sama panel jemputan iaitu Puan Maizatul Tanty binti Haji Abdul Multalib, Encik Firdaus Mat Nayan, Tuan Haji Zakaria bin Mahzan, Encik Mohd Yusof Donia dan Encik Khairizan Tarmizi. Forum membincangkan penggunaan *Skype for Business* di agensi.

